


SOCIAL FINANCE DEPARTMENT

June 2024

JUN 2024 | WWW.MUAMALAT.COM.MY



ISI KANDUNGAN

- 3** MESYUARAT PELAKSANAAN PROJEK KUBAH PENGERING SOLAR MYWAKAF AIBIM
- 4** MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF MAIK MUAMALAT KALI PERTAMA 2024
- 5** KUNJUNGAN HORMAT BMMB KE MANAGEMENT SCIENCE UNIVERSITY (MSU)
- 6** MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT KORPORAT BMMB KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)
- 7** PENYERAHAN SUMBANGAN JARIAH FUND KEPADA NASOM BAGI PROJEK HASIL KRAF VOKASIONAL
- 8** JUALAN USAHAWAN iTEKAD BANK MUAMALAT SEMPENA SASANA SYMPOSIUM 2024
- 9** TEMUBUAL USAHAWAN iTEKAD BANK MUAMALAT BERSAMA MEDIA
- 10** PENYERAHAN SUMBANGAN JARIAH FUND PROJEK IQRA' AL-HUSNA



MESYUARAT PELAKSANAAN PROJEK KUBAH PENGERING SOLAR MYWAKAF AIBIM



05 JUN 2024 - Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan gerak kerja pelaksanaan projek kubah pengering solar anjuran myWakaf AIBIM. Mesyuarat diadakan di CIMB Central dan dihadiri oleh wakil daripada CIMB Islamic, Bank Muamalat, Bank Islam, RHB Islamic, dan Pusat Pungutan Zakat MAIWP.

MESYUARAT BERSAMA MALAYSIAN ASSOCIATION FOR THE BLIND (MAB), MERANCANG KEMPEN BERIMPAK TINGGI



05 JUN 2024 - Perjumpaan susulan bersama Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) bagi bagi mewujudkan kempen berimpak tinggi untuk membantu OKU Penglihatan. Turut hadir wakil daripada Jabatan Komunikasi & Pemasaran, Pengurus Deposit Kawasan Wilayah serta wakil Jabatan Perbankan Transaksi.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF MAIK MUAMALAT KALI PERTAMA 2024



06 Jun 2024 - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf MAIK Muamalat (WMM) telah diadakan di Ibu Pejabat Bank Muamalat. Dalam mesyuarat tersebut, Ahli-ahli Jawatankuasa telah membincangkan hala tuju dan pelaksanaan projek-projek WMM.



KUNJUNGAN HORMAT BMMB KE MANAGEMENT SCIENCE UNIVERSITY (MSU)



6 Jun 2024 - Jabatan Kewangan Sosial bersama Pejabat Wilayah Tengah Bank Muamalat Malaysia Berhad telah bertemu Prof Abdul Jalil Ghazali, Penolong Presiden Kanan, Management Science University (MSU) bagi membincangkan potensi kerjasama di antara BMMB dan MSU.

PROGRAM CSR MADANI LEADERSHIP 1.0 ANJURAN CENTRE FOR LANGUAGE AND PRE-UNIVERSITY ACADEMIC DEVELOPMENT (CELPAD), UIAM



9 Jun 2024 - BMMB menyampaikan sumbangan berjumlah RM10,000 kepada program MADANI LEADERSHIP 1.0 yang disempurnakan oleh Tn Hj Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial kepada Prof. Dr. Faridah binti Abd Malek, Ketua Jabatan Centre For Language and Pre-University Academic Development (CELPAD), UIAM.



MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT KORPORAT BMMB KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)



10 Jun 2024 - BMMB telah menyerahkan zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berjumlah RM738,175.38. Penyerahan telah disempurnakan oleh En Amirul Nasir Abd Rahim, Ketua Pegawai Kewangan BMMB kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Yang DiPertua MAIK. Semoga Allah memberkati BMMB.



MESYUARAT BERSAMA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

10 Jun 2024 - Jabatan Kewangan Sosial telah membuat pembentangan program ITEKAD BMMB kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Pihak LZS berminat untuk bekerjasama dengan BMMB melalui penggunaan wakalah zakat untuk dijadikan modal kerja kepada usahawan ITEKAD BMMB.

PENYERAHAN SUMBANGAN JARIAH FUND KEPADA NASOM BAGI PROJEK HASIL KRAF VOKASIONAL



11 Jun 2024 - Jabatan Kewangan Sosial telah menyerahkan sumbangan platform pendanaan awam Jariah Fund kepada The National Autism Society of Malaysia (NASOM) berjumlah sebanyak RM8,990.00.. Simbolik penyerahan disampaikan oleh Ketua Jabatan Kewangan Sosial BMMB, Tn Hj Zaharuddin Alias kepada Koordinator Pusat Vokasional, Jalan Ipoh, Puan Nursuraya Mohd Yunus. Sumbangan ini disalurkan bagi Projek Hasil Kraf Pusat Vokasional



KUNJUNGAN HORMAT KE YAYASAN SELANGOR

13 JUN 2024 - Kunjung hormat Jabatan Kewangan Sosial BMMB ke Yayasan Selangor bagi membincangkan kerjasama strategik yang boleh dilakukan bagi membantu masyarakat khususnya di Negeri Selangor. Turut hadir ialah wakil Seksyen Deposit, Pengurus Deposit Kawasan Tengah serta Pengurus BMMB Cawangan Petaling Jaya.



JUALAN USAHAWAN iTEKAD BANK MUAMALAT SEMPENA SASANA SYMPOSIUM 2024



20 Jun 2024 - Seorang usahawan iTEKAD Bank Muamalat telah terpilih menyertai gerai jualan sempena program Sasana Symposium 2024 di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM). Puan Suraya Shariff adalah pengusaha produk minuman berasaskan bunga roselle. Beliau kini dalam proses mendapatkan pensijilan halal bagi produknya. Gerai beliau telah mendapat perhatian daripada Menteri Kewangan II dan Gabenor BNM semasa program tersebut.



PERBINCANGAN BERSAMA MSU



19 Jun 2024 - Jabatan Kewangan Sosial telah dijemput oleh MSU untuk berbincang mengenai potensi kerjasama Wakaf Muamalat dalam sektor kesihatan. Jabatan Kewangan Sosial diwakili oleh Ybgh Tuan Haji Zaharuddin Alias dan Mohd Azim Mohd Saufi. Turut hadir ialah Pengurus Deposit Kawasan Tengah dan wakil Jabatan Perbankan Transaksi. Semoga kerjasama ini dapat direalisasikan demi kebaikan komuniti.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN 4 BUAH MESIN HEMODIALISIS KEPADA MEDIK NUR RAHMAH



26 Jun 2024 - Jabatan Kewangan Sosial melalui Wakaf Selangor Muamalat (WSM) telah menyerahkan sumbangan 4 buah mesin hemodialysis yang berjumlah RM132,000 kepada Medik Nur Rahmah Berhad (MNRB). Penyerahan telah disampaikan oleh Pengerusi WSM, Tn Hj Azizi Che Seman kepada Pengerusi MNRB, YBhg Dato' Dr Harlina Hj Siraj. WSM komited untuk memastikan sumbangan pewakaf sampai kepada mereka yang memerlukan. Semoga lebih ramai yang mendapat manfaat daripada sumbangan WSM.

TEMUBUAL USAHAWAN iTEKAD BANK MUAMALAT BERSAMA MEDIA



26 Jun 2024 - Usahawan iTEKAD Bank Muamalat, Pn Norhidayah bt Yusof, pemilik Poko Café telah ditemubual oleh Utusan Malaysia dan The Vocket. Temubual adalah bagi mengupas perkembangan perniagaan beliau selepas menjalani program iTEKAD Bank Muamalat. Semoga perniagaan beliau terus maju.

TEMUBUAL USAHAWAN iTEKAD BANK MUAMALAT BERSAMA HARIAN METRO



27 Jun 2024 - Usahawan iTEKAD Bank Muamalat, Sorrellicious Legacy telah ditemubual oleh Harian Metro bagi mengupas perkembangan perniagaan beliau selepas menjalani program iTEKAD Bank Muamalat. Semoga perniagaan beliau terus maju.



PENYERAHAN SUMBANGAN JARIAH FUND PROJEK IQRA' AL-HUSNA



29 Jun 2024 - Penyerahan sumbangan Jariah Fund Projek Iqra' Al-Husna berjumlah RM10,000 telah dilaksanakan di Kg Kuala Mu, Sungai Siput Perak. Kempen ini bertujuan membantu anak-anak orang asal membaca Al-Quran dengan kerjasama Yayasan Ikhlas yang merupakan antara rakan amal Jariah Fund. Program tersebut turut menyerahkan keperluan dapur sumbangan kakitangan Ibu pejabat. Program turut dihadiri wakil kakitangan cawangan Ipoh, Parit Buntar, Setiawan, dan Pejabat Kawasan Utara. Terima kasih kepada para penyumbang!

Ibu Pejabat, Menara
Bumiputra, 21 Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: +603-2600 5500
www.muamalat.com.my



03 2600 5500
www.muamalat.com.my



AHS kumpulan

